

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah tindakan proaktif Kementerian dalam membantu mengurangkan beban pengusaha-pengusaha aktiviti seperti pertanian, penternakan, perikanan dan akuakultur yang terjejas semasa Perintah Kawalan Pergerakan ekoran wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengambil berat beban pengusaha-pengusaha aktiviti seperti pertanian, penternakan, perikanan dan akuakultur yang terjejas susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran wabak COVID-19. Dalam hal ini, aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan telah dikategorikan sebagai perkhidmatan penting negara (*essential services*) bagi memastikan bekalan makanan dan kepentingan kumpulan sasaran ini terus terjamin. Menyedari hal ini, Kementerian telah mengambil langkah proaktif bagi mengeluarkan surat sokongan kepada semua pengusaha yang terlibat di sepanjang rantai bekalan supaya aktiviti pengeluaran makanan boleh diteruskan dengan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan.

SOALAN NO: 78

Bagi mengurangkan isu lambakan hasil pertanian dan meminimumkan kerugian pengusaha tani, Kementerian melalui agensi seperti FAMA telah memainkan peranan membeli hasil pertanian dan menjualkan di Pasar Segar Terkawal (PST) yang diwujudkan dalam tempoh PKP. Selain itu, Kementerian juga membantu meningkatkan ruang pemasaran pengusaha-pengusaha melalui platform e-dagang seperti Agrobazaar Online serta kerjasama strategik dengan syarikat swasta seperti Lazada, Shopee dan AirAsia.

Di samping itu, MAFI melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), PRIHATIN dan PENJANA telah melaksanakan inisiatif bagi membantu pengusaha tani seperti berikut:

- a) Program Jaminan Bekalan Makanan;
- b) Program Insentif Logistik dan Pemasaran Nanas;
- c) Program Simpanan Bekalan Makanan;
- d) Program Dana Khas Persatuan Nelayan Kawasan (PNK);
- e) Program Pembekalan Ikan Segar dan Ikan Beku;
- f) Program Dana Khas Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK); dan
- g) Program Peningkatan Mobilisasi dan Logistik Bahan Makanan.
- h) Skim Pembiayaan Mikro Kredit.

Program di atas diharap bukan sahaja dapat membantu meringankan beban pengusaha-pengusaha yang terkesan susulan PKP akibat wabak COVID-19 malahan dapat merancakkan semula aktiviti pertanian dan melonjakkan sektor agromakanan negara sepanjang tempoh pemulihan ekonomi.

Sekian, terima kasih.